

SOALAN NO: 41

Kesalahan melibatkan kegiatan seperti ini boleh menjadi kesalahan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM 1998), dan akan disusuli siasatan dan tindakan oleh pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) sekiranya wujud elemen kesalahan di bawah Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, khususnya bagi kandungan yang memenuhi intipati kesalahan berbentuk sumbang, lucah, palsu, mengancam atau jelik.

Jika disabitkan kesalahan, pihak yang terbabit boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit (RM50,000) atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu (1) tahun atau kedua-duanya sekali.

Setakat Januari hingga Julai 2017, pihak SKMM telah menerima sebanyak **1,150** aduan awam yang boleh dikaitkan dengan buli siber, yang meliputi gangguan atau "*harassment*" dengan izin, ancaman, tindakan menakutkan serta penyalahgunaan maklumat, butiran atau gambar peribadi bagi tujuan penganiayaan dan untuk memalukan atau mengaibkan individu tertentu.

Walau bagaimanapun, kesalahan di Internet dan media sosial tidak hanya termaktub di bawah bidang kuasa pihak SKMM semata-mata. Ia juga turut tertakluk di bawah bidang kuasa agensi-agensi penguatkuasaan lain seperti Polis Di Raja Malaysia (PDRM).